



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“GANJARAN BERSEDEKAH”

15 Disember 2023 / 2 Jamadil Akhir 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ!
اتَّقُوا اللَّهَ³ أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan memperteguh iman serta amal soleh, melaksanakan segala perintah dengan hati yang ikhlas, meninggalkan semua larangan Nya dengan jiwa yang patuh, melazimkan sifat-sifat mahmudah yang dicintai Allah serta menjauhi sifat-sifat mazmumah yang dimurkai Nya. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalibun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “GANJARAN BERSEDEKAH”

Firman Allah SWT, ayat 10 surah al-Munafiqun:

﴿وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ
فَأَصَدَّقَ وَأَكُن مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾﴾

Bermaksud: Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang telah Kami berikan kepada mu sebelum kematian datang kepada salah seorang antara kamu, (kalau tidak) maka (pada saat itu) dia akan merayu dengan berkata, “Wahai Tuhan ku, sekiranya

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Engkau berkenan menangguhkan kematian ku sedikit waktu lagi, maka aku akan bersedekah dan aku akan menjadi orang yang soleh!”

Sedekah adalah ibadah sunat yang sangat disukai oleh Allah SWT; berupa perbuatan memberi kepada golongan yang memerlukan kerana ingin mendekatkan diri dengan Allah SWT. Pemberian sedekah hendaklah diutamakan kepada sanak saudara, fakir miskin, anak yatim, begitu jua golongan *fi sabilillah*, dengan mendahului kalangan ahli keluarga yang terdekat.

Manusia dikurniakan rezeki secara berbeza, sebagai rahmat dan ujian daripada Allah SWT. Ada yang dikurniakan kemewahan dan keselesaan, ada pula yang hidup dalam kemiskinan dan kesempitan. Kerana itu, terdapat insan-insan yang berada dalam kesusahan yang selayaknya diberikan bantuan. Ummah yang bersedia menghulur bantuan kepada insan-insan yang memerlukan, merupakan ummah yang telah menyambut seruan Ilahi, meletakkan dirinya sebagai insan terpuji – berjiwa insani, sanggup berkongsi sebahagian harta yang dimiliki demi kesejahteraan bersama.

Bersedekah wajar diberikan menurut keperluan penerimanya; sama ada berbentuk wang ringgit, makanan, pakaian, perumahan dan pengangkutan, termasuk ubat-ubatan, peralatan perubatan, rawatan perubatan, juga keperluan alatan kerja atau pembelajaran, serta tajaan pengajian.

Para Tetamu Rumah Allah yang dimuliakan

Allah SWT mengurniakan ganjaran amat besar kepada hamba Nya yang bersedekah. Sedekah tidak terikat dengan masa, tempat mahu pun jumlah yang dibelanjakan. Ummah boleh melakukannya pada bila-bila masa, walau di mana jua berada, dan meski sekecil mana pun jumlahnya, asalkan sedekah dilakukan dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah SWT, dan bukannya mahu menunjuk-nunjuk dengan perasaan riak dan bangga untuk mendapat pujian manusia.

Firman Allah SWT ayat 10 surah al-Munafiqun yang khatib jadikan rujukan pada awal khutbah, mengisyaratkan bahawa amalan bersedekah ialah peluang yang mesti direbut selagi hayat dikandung badan. Menurut ahli tafsir Imam al-Tabari, Allah SWT memaparkan keluhan berbentuk penyesalan oleh mereka yang ketika berada di dunia, tidak melakukan amalan bersedekah, sehinggakan mereka merayu agar ditangguhkan saat kematian untuk berkesempatan melakukan amalan sedekah.



Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa kelebihan yang banyak sedang menanti di akhirat buat mereka yang gemar bersedekah, dan kesempatan bersedekah itu disediakan ketika kita masih berada di dunia. Mimbar menyenaraikan beberapa kelebihan amalan bersedekah:

Pertama: Sedekah tidak akan sesekali mengurangkan harta sedia ada bahkan harta akan sentiasa bertambah berkat. Sabda Rasulullah SAW:

وَلَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ وَلَا عَفَا رَجُلٌ قَطُّ إِلَّا زَادَهُ اللَّهُ عِزًّا

Bermaksud: Tidak berkurang harta dengan sebab sedekah dan tidaklah seseorang yang memaafkan kecuali Allah tambahkan baginya kemuliaan.

(Hadis Riwayat Ahmad)

Kedua: Sedekah berupaya menghapuskan murka Allah kepada pelaku dosa dan kesilapan. Sabda Rasulullah SAW:

أَلَا أَدُلُّكَ عَلَىٰ أَبْوَابِ الْخَيْرِ الصَّوْمِ جُنَّةٌ وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ

Bermaksud: Hendak kah kamu aku tunjukkan pintu-pintu kebaikan, puasa itu ibarat perisai dan sedekah pula memadamkan kesalahan sepertimana air memadam api.

(Hadis Riwayat Tirmizi)

Ketiga: Sedekah menjadikan seseorang itu mendapat pahala yang berterusan sekalipun telah meninggalkan dunia. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Apabila mati seorang manusia, terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara: Sedekah jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya, atau anak soleh yang mendoakan baginya.”*

(Hadis Riwayat Muslim)

Keempat: Sedekah berupaya menyelamatkan ummah daripada bala bencana, mendapat kelapangan jiwa, menyucikan harta, penawar kepada penyakit hati, mencapai hakikat kebaikan dan akan sering didoakan oleh para malaikat.

Hadirin Rahimakumullah

Atas rahmat Allah SWT, Islam yang amat luas tidak menyempitkan sedekah dalam bentuk wang ringgit dan harta benda sahaja. Di sebaliknya, sedekah merangkumi pelbagai amal kebaikan lain, antaranya menyampaikan ilmu pengetahuan, memberi dorongan dan bimbingan, memberikan masa dan tenaga melakukan amal tanpa



memikirkan upah, menghalalkan hutang, menjaga dan merawat orang sakit dan pelbagai lagi. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

"Tiap-tiap perkara yang makruf itu menjadi sedekah. (Antaranya) hendaklah engkau (semasa) bertemu dengan saudara mu, biarlah dengan muka yang manis (senyuman) dan (kalau ada yang meminta air) hendaklah engkau tuangkan timba mu ke dalam bekas air yang dibawanya". (Hadis Riwayat Ahmad)

Zahirkan kesyukuran atas nikmat kurniaan Ilahi dengan bersifat pemurah, sentiasa menggunakan harta untuk menolong orang-orang yang daif, uzur, fakir miskin dan anak-anak yatim. Manfaatkan harta kurniaan Ilahi dengan membantu orang-orang yang memerlukan rawatan perubatan dan anak-anak yang memerlukan pembiayaan pendidikan.

Ummah wajib memperbetulkan pandangan terhadap harta dengan menjadikannya sebagai alat untuk meraih kebahagiaan dunia – kejayaan akhirat. Harta tidak boleh dijadikan bahan untuk dibangga-banggakan, untuk bermewah-mewah sehingga berlaku pembaziran. Harta tidak sepatutnya menjadikan manusia bersifat sombong, bongkak, riak, tamak dan bakhil.

Mimbar menyenaraikan dua kesimpulan:

Pertama: Jadikan amalan bersedekah sebagai budaya hidup. Semaikan budaya bersedekah, sekalipun dalam jumlah yang kecil, dalam jiwa anak-anak ketika masih usia kecil, agar mereka dapat melazimkan amalan bersedekah.

Kedua: Allah menjanjikan kepada hamba-hamba Nya yang membelanjakan harta sama ada zakat, wakaf, infak dan sedekah akan digantikan dengan nikmat yang lebih baik di dunia dan di akhirat. Firman Nya surah Saba ayat 39:

﴿قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ

الرَّزْقِينَ ﴿٣٩﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhan ku melapangkan rezeki sesiapa yang dikehendaki Nya dalam kalangan hamba Nya dan Dia juga yang menyempitkan baginya. Dan apa-apa sahaja yang kamu belanjakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah sebaik-baik Pemberi rezeki".



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! bukakan pintu hati kami cenderung untuk sentiasa melakukan amalan sedekah dan bimbing hati kami agar ikhlas melakukannya demi mengharapkan reda, keampunan dan rahmat Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulki!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.